



## KENYATAAN MEDIA

### MPS TUTUP MATA JEJANTAS HOSPITAL SELAYANG KOTOR, TERABAI

1. Merujuk kepada artikel tuan bertarikh 6 Mei 2019 mengenai isu kebersihan kawasan di jejantas Hospital Selayang, MPS ingin memberikan penerangan tentang isu yang timbul ini.
2. Untuk makluman, MPS tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti pembersihan di jejantas Hospital Selayang seperti didakwa di dalam artikel tersebut. Namun begitu, MPS mengambil inisiatif untuk menghubungi pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Gombak yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kawasan di jejantas Hospital Selayang.
3. Menurut pihak JKR, konsesi pembersihan kawasan jejantas tersebut adalah di bawah tanggungjawab mereka dan tindakan pembersihan akan diambil dalam masa terdekat ini.
4. Untuk memastikan sampah tidak bertaburan, MPS mengambil inisiatif untuk menyediakan tong-tong sampah di kawasan berkenaan. Namun begitu, tugasan pembersihan dan kutipan sampah adalah dibawah tanggungjawab pihak JKR Gombak.
5. Walaubagaimanapun, pihak kami berharap agar masyarakat turut sama membantu menjaga kebersihan bagi mengelakkan sampah dibuang merata-rata. Kebersihan adalah tanggungjawab kita bersama.

Dikeluarkan oleh :

EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 6 Mei 2019